

Mulanya terpaksa, akhirnya jatuh cinta



MOHD SHAIFUL bersama anggota Balai Bomba dan Penyelamat Cyberjaya.



BERSAMA rakan brassband Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor.

BERKAT mengikut kemahuan bapa yang mahu beliau bekerja dengan pasukan beruniform, **Mohd. Shaiful Nizam Mohd. Rosly**, 34, mengakui kini begitu sayangkan kerjayanya sebagai anggota bomba dan penyelamat.

Menurut Mohd. Shaiful, walaupun baru 12 tahun dalam bidang tersebut, hatinya seolah-olah 'melekat' dengan punca rezekinya itu terutama apabila memikirkan beliau dapat berkhidmat untuk masyarakat dan negara.

Menceritakan kisahnya, beliau yang merupakan Pegawai Bahagian Latihan dan Kesedaran Awam di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Cyberjaya berkata, bapanya, Mohd. Rosly Lod, 62 adalah seorang bekas anggota Tentera Diraja Malaysia (TLDM).

"Ayah berkeras mahu saya menjadi kakitangan awam, atau lebih tepat, anggota pasukan beruniform. Saya dipaksa memohon pekerjaan di semua organisasi beruniform yang ada.

"Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Darat Malaysia (TDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) semua saya mohon, namun ada yang gagal, dan ada juga yang saya tidak pergi selepas terima

Oleh **NAIMAH MOHD.**
 pengarang@utusan.com.my



panggilan kerana tidak berminat.

"Akhirnya, ayah berikan saya borang permohonan untuk menyertai pasukan bomba dan penyelamat pada tahun 2005, jadi saya terpaksa mohon... Alhamdulillah, saya diterima," ceritanya kepada *Mega Wira* ketika ditemui di BBP Cyberjaya baru-baru ini.

Menyentuh mengenai tugasannya sepanjang berkhidmat, Mohd. Shaiful berkata, kejadian tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Kelang pada 31 Mei 2006 merupakan tragedi yang tidak dapat dilupakan sehingga sekarang.

"Itu adalah insiden besar pertama yang saya hadapi selepas tamat latihan, saya masih ingat bagaimana kami menemukan mayat ibu dan anak yang saling berpelukan di bawah runtuhan tersebut.

"Namun, ketika itu kami tidak sempat bersedih kerana memikirkan mungkin ada mangsa yang masih hidup serta perlu diselamatkan dan kami perlu pantas bekerja," ujarinya dengan nada sedih.

Selain memadam api dan menyelamatkan mangsa,

Mohd. Shaiful turut aktif mengharumkan nama bomba dalam aktiviti luar seperti berbasikal dan mendaki gunung.

Katanya, perkara yang paling utama yang perlu diambil kira untuk cemerlang dalam kerjaya dan aktiviti sampingan adalah pembahagian masa yang betul.


"Memang agak sukar pada mulanya kerana kerja sebagai anggota bomba ini perlu sentiasa bersedia dan mengikut syif, jadi perlu korbankan sedikit masa bersama kawan-kawan.

"Sekarang, apabila sudah berkeluarga, perlahan-lahan saya kurangkan aktiviti sampingan untuk memberi lebih masa kepada isteri dan anak-anak," tambahnyanya lagi.

Mohd. Shaiful turut menasihatkan anak muda yang berhasrat untuk menganggotai pasukan penyelamat agar bersedia fizikal dan mental kerana tugas sebagai anggota bomba bukannya mudah.

"Setiap operasi cabarannya berbeza-beza, kita kena berdepan dengan pelbagai kenehan manusia, keadaan di tempat operasi, jadi mental dan fizikal kena kuat.

"Pastikan juga sentiasa jaga kesihatan serta mempunyai keberanian untuk menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.



MOHD. SHAIFUL NIZAM MOHD. ROSLY

TM TOURS & TRAVEL SDN BHD (210899-K) (IOT) (KPL/LN20742)
 SETAPAK: 03-4031 4171 / 019-356 4466
 BANGI: 03-8926 4108 / 019-227 1808
 KUALA LUMPUR: 03-2026 7693 / 019-331 4466
 Email: info@tmtours.com.my

FARHAN TRAVEL & TOURS SDN BHD (1050773-A)
 Tel: 03-4032 2171 Email: info@farhantraveltours.com.my

HOTLINE 019-331 4466 019-227 1808
 019-356 4466

No. Lesen: KPL/LKU 0027

UMRAH
1439H
 DARI RM **4,990**

Harga/ tarikh/ kapal terbang/ bilangan hari dan alurcara tertakluk pada perubahan. Harga di atas termasuk airport, fuel surcharge visa. Tertakluk pada syarat dan terma pakej.

PAKEJ PERCUTIAN CUTI SEKOLAH DECEMBER 2017

BIL HARI	DESTINASI / TARIKH	HARGA DARI (RM)
6H4M	GREATWALL OF BEIJING MUSLIM TOUR	2,450
5H4M	HONG KONG DISNEYLAND MUSLIM TOUR 2 DIS - 6 DIS	2,880
7H5M	PEARL UZBEKISTAN 1 DIS - 8 DIS	5,590
10H7M	WESTERN EUROPE 6 COUNTRY 13 DIS - 22 DIS	9,060
5H4M	TAIWAN MUSLIM TOUR 30 NOV - 4 DIS	3,390
5H4M	GUANGZHOU SHENZHEN SHOPPING TOUR 7 DIS - 11 DIS	2,390

BIL HARI	DESTINASI / TARIKH	HARGA DARI (RM)
6H4M	JAPAN DISNEYLAND 27 NOV - 2 DIS	5,390
4H3M	BANGKOK PATTAYA 7 DIS - 10 DIS	1,690
5H4M	DUBAI + ABU DHABI 8 DIS - 12 DIS	4,990
9H7M	TURKEY + KAZAKHSTAN 12 DIS - 20 DIS	4,855
4H3M	PADANG BUKIT TINGGI 8 DIS - 11 DIS	1,390
4H3M	MEDAN 6 DIS - 9 DIS	1,190
8H6M	TAJ MAHAL + KASHMIR 11 DIS - 18 DIS	3,990
6H5M	KOREA SKI TOUR 2 DIS - 7 DIS	3,590
4H3M	HO CHI MINH MUSLIM TOUR EX KUCHING/KL 10 DIS - 13 DIS	1,690

7H5M | 6 DIS - 12 DIS
NEW ZEALAND
 DARI RM **9,299**

9H7M | 15 DIS - 23 DIS
SPAIN MOROCCO
 DARI RM **9,980**

Harga tertakluk kepada perubahan harga sebarang matrik dan tertakluk pada terma dan syarat. Harga ALL IN termasuk caj cuti sekolah dan tajaan. Harga TERSEBUTNYA. Serta tour leader yang perantaraan.